

Khairy perlu jawab budaya politik samseng Pemuda Umno, kata DAP
The Malaysian Insider
April 22, 2015

DAP hari ini menyeru Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin tampil memberi penjelasan tindakan pergerakan itu yang mengugut menghalang majlis perbincangan yang akan dianjurkan esok.

Ahli Parlimen Kluang Liew Chin Tong dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Mengkibol Tan Hong Pin mempersoalkan budaya ugut dan samseng Pemuda Umno sehingga merencatkan program perbincangan di Kluang yang dihadiri DAP.

"DAP amat kesal dengan tindakan yang seolah-olah tidak bertamadun di era kepesatan serta kemajuan teknologi maklumat pada hari ini. Bahkan bagi kami, kita seharusnya menyuburkan diskusi serta perbincangan idea seperti mana yang akan dijalankan.

"Datuk Khairul Anwar Rahmat selaku Ketua Pemuda Umno Bahagian Kluang dan Khairy perlu tampil memberikan penjelasan terhadap insiden ugutan ini," kata mereka dalam satu kenyataan hari ini.

Satu program Sembang Warong bertajuk 'Bantah GST dan Politik Perkauman?' yang akan diadakan malam esok menerima ugutan dan tentangan dari pihak yang tidak senang dengan kehadiran anak muda untuk bertemu rakyat Kluang menerusi program sembang warong tersebut.

Bantahan yang diterima melalui aplikasi mesej Whatsapp dan media sosial itu menyatakan Umno tidak akan berdiam diri dan akan menganjurkan majlis sama pada malam esok.

Liew dan Tan berkata budaya politik ugut dan samseng amat mengecewakan khususnya kepada seluruh rakyat Malaysia yang seharusnya disantuni dengan amalan politik baru yang sihat menerusi budaya wacana dan diskusi secara rasional.

Katanya, program wacana dan diskusi tidak seharusnya disekat khususnya menerusi ugutan-ugutan kerana ia amat bertentangan dengan semangat demokrasi yang digagaskan dalam Perlembagaan dan membantutkan proses ke arah membina masyarakat yang lebih matang.

"Politik ugut dan samseng hanyalah membuktikan penafian terhadap 'karamah insaniah' (kemuliaan insan) yang seharusnya dibina bersama oleh semua pihak tanpa mengira latar belakang politik, budaya dan warna kulit.

"Serangan rambang yang dilakukan menerusi mesej Whatsapp dan Facebook terhadap DAP sama sekali membuktikan bahawa pihak yang menyerang bertindak emosi dan sembarangan tanpa asas-asas hujah yang kuat terhadap penganjur program tersebut yang sama sekali tidak melibatkan parti politik," katanya. – 22 April, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/khairy-perlu-jawab-budaya-politik-samseng-pemuda-umno-kata-dap>